

Headline	Kementerian perkemas kaedah kawalan harga		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	16 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	56,027
Page No	3	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	168 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,584
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,753



Kementerian perkemas kaedah kawalan harga

Johor Bahru: Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, akan berbincang dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail bagi memperkemas kaedah pengawalan harga makanan.

Salahuddin berkata, beliau dan Saifuddin membuat lawatan ke seluruh negara memeriksa semua premis perniagaan daripada pasar raya besar, pasar raya hinggalah ke kedai runcit kecil di pedalaman.

"Kita dapati harga barangan makanan terkawal dan rakyat puas hati dan selesa dengan harga barang keperluan yang ditetapkan berbanding musim perayaan tahun lalu.

"Contohnya, kubis bulat sederhana RM2 sebiji, yang besar pula RM3. Harga ayam di pasar raya besar antara RM5.90 hingga 6.50 sekilogram, manakala di kedai runcit pula ikut harga siling yang ditetapkan.

Harga barang terkawal

"Harga ikan kembung/selar dijual pada harga RM10 hingga 12 dan tiada dijual sampai RM21 tahun ini seperti tahun lalu, manakala kacang panjang pula pada harga RM6 hingga RM8 sekilogram iaitu harga yang munasabah," katanya pada Majlis Sambutan Aidilfitri Parlimen Pulau an-juran Pakatan Harapan Parlimen Pulau, di sini, semalam.

Salahuddin berkata, harga bekalan makanan yang terkawal itu disumbangkan faktor bekalan yang mencukupi, di samping pintu sempadan negara yang dikawal ketat bagi mengelak penyeludupan keluar bekalan makanan.

Nikmati harga berpatutan

Beliau berkata, apabila bekalan makanan dalam negara mencukupi, harganya stabil sekali gus membolehkan rakyat menikmatinya pada harga berpatutan.

"Harga bekalan makanan yang terkawal pada musim perayaan kali ini juga disumbangkan oleh langkah FA-MA yang membuka pasar segar di lebih banyak lokasi, dua minggu lebih awal," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau yang juga Ahli Parlimen Pulau berkata, syarikat yang terpilih untuk mengeksport durian Musang King dalam bentuk buah sempurna ke China akan diumumkan pada pelancaran kejayaan berkenaan di Putrajaya, Isnin ini.

"Isnin ini akan diadakan pelancaran kejayaan untuk mengeksport durian Musang King ke China selepas General Administration of Customs of People's Republic of China (GACC) membuat lawatan dan pemeriksaan di tujuh syarikat terpilih, awal Mei lalu," katanya.